

1. Pasukan Keluaran Operasi (PKO) perlu mengambil langkah penyelamatan seperti berikut:
 - 1.1 **menyimpan *Disposable Liquid Splash Suit*** di dalam jentera keluaran sekurang-kurangnya tiga (3) helai dan jentera EMRS sekurang-kurangnya dua (2) helai;
 - 1.2 **menyediakan *Gardener Spray*** di dalam jentera keluaran beserta dengan pengisian 5% Sodium Hypochlorite dengan nisbah maksimum bancuhan 1:49;
 - 1.3 membuat penilaian awal sama ada terdapat apa-apa **dokumen / tandaan** kepada mangsa bagi pengenalpastian status mangsa yang boleh cenderung ke arah mangsa berkenaan aktif Covid-19 mahupun sedang disiasat Kementerian Kesihatan Malaysia (dikuarantin);
 - 1.4 Pusat Gerakan Operasi (PGO) perlu **menghubungi pihak KKM** dengan awal bagi semua kes penyelamatan melibatkan mangsa ke lokasi kejadian dan memohon mereka memeriksa status mangsa sama ada mangsa adalah pesakit aktif Covid-19 atau dikuarantin atau sebagainya;

1.5 Penyelia Pasukan Keluaran Operasi perlu memastikan sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mendekati / menghampiri / memberi perawatan awal kepada mangsa memakai **Pakaian Perlindungan Diri (PPE)** seperti berikut:

- 1.5.1 Liquid Splash Suit (Tyvek / Microguard / dll);
- 1.5.2 Fire Helmet (Visor sentiasa ditutup) / Faceshield;
- 1.5.3 Surgical Mask (Double Mask);
- 1.5.4 Double layer Surgical Glove;
- 1.5.5 Fire Boot

1.6 Bagi keadaan **KEKURANGAN** atau **KETIADAAN PPE** seperti di atas dan situasi mempunyai **RISIKO KEBAKARAN**, Penyelia Pasukan Keluaran Operasi mempunyai pilihan dengan memastikan **anggota yang mendekati mangsa** mengambil pendekatan pemakaian PPE seperti berikut;

- 1.6.1 Structural Fire Fighting Suit;
- 1.6.2 Breathing Apparatus atau Surgical Mask (*Double Mask*);
- 1.6.3 Fire Helmet (Visor Ditutup);
- 1.6.4 Fire Boot;
- 1.6.5 Gloves

1.7 membuat penyelamatan / pengeluaran mangsa dengan memastikan pemakaian PPE seperti perkara 1.5 dan 1.6 serta membuat satu **lokasi terasing bagi perletakan mangsa** tujuan sementara.

- 1.8 Bagi mangsa hidup dan stabil perlu dipakaikan Surgical Mask manakala bagi mangsa yang kritikal perlu dihantar segera ke Hospital dengan keadaan pemandu jentera EMRS menggunakan PPE seperti perkara 1.5. Mangsa yang disyaki meninggal dunia pula perlu ditutup menggunakan apa-apa alas yang sesuai sebelum kehadiran KKM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- 1.9 **membuat disinfeksi pada kawasan sekitar** / laluan mangsa dikeluarkan sama ada di dalam bangunan / kenderaan / mana-mana lokasi;
- 1.10 **membuat disinfeksi kepada semua peralatan** menyelamatkan yang digunakan dalam operasi serta ruangan *locker* jentera;
- 1.11 **WAJIB melaksanakan nyahcemar** kepada semua penyelamat menggunakan kaedah seperti berikut:
 - 1.11.1 **Nyahcemar PPE** menggunakan 5% Sodium Hyperchlorite dengan nisbah maksimum bancuhan 1:49 dan menunggu *contact time* (masa menunggu) selama satu (1) minit, dan;
 - 1.11.2 **Nyahcemar menggunakan air yang banyak** bagi tujuan memelihara kebersihan dan kesihatan kulit semua anggota pasukan penyelamat
- 1.12 Memasukkan semua PPE jenis pakai buang dalam beg plastik sebelum disinfeksi beg berkenaan sebelum dibawa dan dilupuskan di balai;

- 1.13 Membuat semburan air kepada peralatan dan *locker* yang telah dilaksanakan disinfeksi bagi mengelakkan berlaku proses pengaratan;
- 1.14 Melupuskan PPE berkenaan dengan cara membuat pembakaran kecil yang dikawal oleh anggota yang menggunakan Glove dan Surgical Mask

Nota :

- 1) Pemakaian celoreng lengkap sahaja **BOLEH MENINGKATKAN RISIKO** pencemaran melalui cecair dalam badan mangsa (*body fluid*) ke pakaian dan kulit penyelamat seterusnya sukar untuk dinyahcemar menggunakan Sodium Hypochlorite;
- 2) sekiranya kes melibatkan kebakaran, penggunaan *Liquid Splash Suit* adalah tidak dibenarkan kerana boleh menyebabkan suit berkenaan mencair dan penggunaan PPE ketika kebakaran adalah seperti perkara 1.6;
- 3) pelaksanaan pendekatan berdasarkan garis panduan ini bergantung kepada penilaian awal Komander Operasi serta tafsiran kesesuaian terbaik di lokasi kejadian;

CHECKLIST KES KEMALANGAN JALAN RAYA MUSIM PENDEMIK COVID-19

Tarikh : _____ Pegawai : _____

BIL	PERKARA	STATUS (Bulat / √ / X)	KUANTITI / STATUS
1	Liquid Splash Suit (FRT)	Ada / Tiada	
2	Liquid Splash Suit (EMRS)	Ada / Tiada	
3	Gardener Spray	Ada / Tiada	
4	Bahan Sodium Hypochlorite	Ada / Tiada	
5	Surgical Mask	Ada / Tiada	
6	Surgical Gloves	Ada / Tiada	
7	Apron	Ada / Tiada	
8	Faceshield	Ada / Tiada	
9	Shoe Cover	Ada / Tiada	
10	Semak tandaan / status mangsa kemalangan jalan raya		
11	Dapatkan nama pesakit dan maklumat lain dan hubungi PGO bagi keluaran Ambulans KKM (jika ada)		
12	Pemakaian Liquid Splash Suit oleh Pasukan Medic		
13	Pemakaian Liquid Splash Suit oleh Pasukan Penyelamat		
14	Menyediakan ruang kerja dan membuat pengeluaran mangsa		
15	Penghantaran mangsa dengan penggunaan Full PPE Level C		
16	Disinfeksi kawasan dan lokasi mangsa dikeluarkan		
17	Disinfeksi peralatan menyelamatkan dan locker jentera di lokasi kejadian		
18	Nyahcemar PPE penyelamat menggunakan Sodium Hypochlorite		
19	Biarkan 1 minit dan nyahcemar PPE penyelamat menggunakan air yang banyak		
20	Masukkan PPE dalam beg plastik kalis air		
21	Melupuskan PPE di balai		